

Kaedah Pendidikan terhadap Anak-Anak Menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan

Educational Methods for Children According to Dr. Abdullah Nasih Ulwan

Nur Farhanis Faisal*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: nfrhnis@gmail.com

Received: 15 Mac 2025; **Accepted:** 24 May 2025; **Published:** 30 May 2025

To cite this article (APA): Faisal, N. F. (2025). Kaedah pendidikan terhadap anak-anak menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 82-96. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.7.2025>

Abstrak

Kajian ini meneroka kaedah pendidikan anak-anak menurut perspektif Islam berdasarkan Bahagian Ketiga Fasal Pertama karya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Buku ini merupakan salah satu rujukan penting dalam bidang pendidikan Islam, khususnya dalam pembentukan akhlak dan keperibadian anak-anak. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan terhadap teks asal dengan tujuan mengenal pasti prinsip dan kaedah pendidikan yang berkesan sebagaimana yang digariskan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Antara pendekatan utama yang dianalisis termasuklah pendidikan melalui penanaman iman, tauladan ibu bapa, latihan amalan soleh, nasihat yang berkhimah dan hukuman dalam mendidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah-kaedah ini menekankan keseimbangan antara kasih sayang dan disiplin serta menuntut kefahaman yang mendalam berkaitan psikologi dan perkembangan anak-anak. Kajian ini diharap dapat memberi panduan praktikal kepada ibu bapa dan pendidik dalam membentuk generasi Muslim yang beriman, berakhlak dan seimbang secara rohani dan emosi dalam konteks masyarakat moden.

Kata Kunci: Kaedah Pendidikan, *Tarbiyatul Aulad*, Dr. Abdullah Nasih Ulwan

Abstract

This study explores methods of educating children from an Islamic perspective, as outlined in Part Three, Chapter One of Tarbiyatul Aulad fi al-Islam by Dr. Abdullah Nasih Ulwan. This book was considered a primary reference in the field of Islamic education, particularly in shaping the morals and character of children. The study employs a qualitative content analysis approach to the original text, identifying practical educational principles and methods as outlined by Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Among the primary approaches analyzed are education through the instillation of faith, parental role modelling, training in righteous practices, wise counsel, and the use of disciplinary measures in upbringing. The findings suggest that these methods strike a balance between affection and discipline, while also requiring a profound

understanding of child psychology and development. This study aims to provide practical guidance for parents and educators on nurturing a generation of Muslims who are faithful, morally upright, and balanced in both spiritual and emotional aspects within the context of modern society.

Keywords: *Educational Methods, Tarbiyatul Aulad, Dr. Abdullah Nasih Ulwan*

Pendahuluan

Dr. Abdullah Nasih Ulwan dilahirkan pada tahun 1928 di Halb, Syria. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang berpegang teguh pada agama dan mementingkan akhlak Islam. Bapa beliau bernama Syeikh Said Ulwan adalah seorang yang dikenali di kalangan masyarakat sebagai seorang ulama dan tabib yang disegani. Selain dari menyampaikan risalah Islam, beliau juga menjadi tumpuan sebagai perawat untuk pelbagai penyakit dengan ramuan akar kayu yang dibuat sendiri. Syeikh Said Ulwan sentiasa berdoa agar dikurniakan anak sebagai seorang ulama yang dapat membimbing ummah. Dr. Abdullah Nasih Ulwan melanjutkan pelajaran di salah sebuah pusat pengajian di Mesir dalam bidang syariah Islamiah pada tahun 1949. Beliau melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir dan memperolehi ijazah pertama di Fakulti Usuluddin pada tahun 1952. Kemudian beliau meneruskan pengajian dalam bidang pendidikan dan tarbiah pada tahun 1954. Semasa berada di Mesir, beliau banyak menghadiri majlis perbincangan ulama-ulama dan mendekati gerakan Islam. Kemudian, Dr. Abdullah Nasih Ulwan melanjutkan pengajian diperingkat doktor falsafah di Universiti al-Sand Pakistan pada tahun 1982 (Ahmad Atabik dan Ahmad Burhanuddin, 2015).

Dr. Abdullah Nasih Ulwan memulakan khidmat sepenuh masa sebagai pendakwah setelah pulang daripada Universiti al-Azhar. Beliau telah dilantik sebagai guru sebuah kolej di bandar Halb. Beliau telah memperkenalkan mata pelajaran Tarbiah Islamiah sebagai matapelajaran asas dalam sukatan pembelajaran di kolej. Seterusnya matapelajaran Tarbiah Islamiah menjadi matapelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar di sekolah menengah di seluruh Syria. Beliau telah meletakkan matlamat yang sangat tinggi dalam pendidikan iaitu membawa dan membimbing pelajar ke arah mencintai Islam dan beramal serta sanggup melakukan apa sahaja untuk Islam. Semasa di kolej tersebut, Dr. Abdullah Nasih Ulwan telah menerima pelbagai jemputan menyampaikan kuliah dan syarahan di merata tempat, di samping menjadi pensyarah jemputan di beberapa buah universiti di Syria. Beliau juga aktif dalam menyampaikan kuliah di masjid-masjid di Halb. Beliau banyak menulis kitab-kitab mengenai tarbiah Islamiah dan di antara karya Dr. Abdullah Nasih yang menjadi rujukan masyarakat Islam ialah '*Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam.*' Dr. Abdullah Nasih Ulwan meninggal dunia pada hari Sabtu, 5 Muharram 1408 Hijrah bersamaan 29 Ogos 1987 di Hospital Universiti Malik Abdul Aziz Jeddah, Saudi pada usia 59 tahun (Ahmad Atabik dan Ahmad Burhanuddin, 2015).

Dr. Abdullah Nasih Ulwan melalui karyanya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*, menekankan bahawa pendidikan yang berkesan perlu berpaksikan kepada prinsip Islam yang menyeluruh dan berasaskan fitrah manusia. Fasal Pertama dalam Bahagian Ketiga memberi fokus kepada "*Manhaj al-Tarbiyah al-Nafi'ah*", iaitu metodologi pendidikan yang berkesan merangkumi pendekatan-pendekatan praktikal dalam mendidik anak secara Islamik. Pendidikan anak-anak merupakan aspek yang sangat diberi perhatian dalam Islam kerana ia berkait rapat dengan pembentukan generasi yang bertakwa dan berakhlak mulia.

Menurut Hasbullah Mat Daud et al. (2020), Samruhaizad dan Azahan Awang (2017), pendidikan anak-anak merupakan aspek terpenting dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang sejahtera dan berakhlak. Anak-anak merupakan amanah Allah SWT kepada ibu bapa dan penjaga yang perlu diberi perhatian dari sudut pembangunan rohani, intelektual dan sosial. Fasa awal kehidupan mereka menjadi asas kepada pembinaan jati diri serta keperibadian yang kukuh (Nur Fauzian & Fauziah Hanim, 2015). Justeru, pendekatan pendidikan yang digunakan haruslah bersesuaian dengan fitrah anak-anak dan selari dengan nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh Islam.

Namun begitu, realiti masyarakat masa kini menunjukkan bahawa proses mendidik anak-anak semakin mencabar. Arus globalisasi, perkembangan teknologi, media sosial serta pengaruh rakan sebaya memberi kesan yang mendalam terhadap pembentukan sahsiah dan tingkah laku anak-anak (Mohd Fikri, 2021 & Hasbullah Mat Daud et al., 2020). Tanpa bimbingan yang berterusan dan kaedah pendidikan yang tepat, mereka mudah terdedah kepada gejala negatif seperti keruntuhan akhlak, kehilangan identiti diri dan pemikiran yang bercanggah dengan nilai Islam (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2020). Oleh itu, pendidikan berasaskan panduan wahyu dan teladan Rasulullah SAW perlu diketengahkan semula dalam membentuk generasi yang berakhlak dan berwawasan.

Menurut Nur Hazieqah et al. (2024) dan Nur Adillah et al. (2023), Islam telah meletakkan asas yang kukuh dalam mendidik anak-anak melalui panduan al-Quran dan as-Sunnah. Para ulama turut menyumbang secara signifikan dalam memperincikan kaedah-kaedah pendidikan yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak (Zakaria Stapa et al., 2012). Dr. Abdullah Nasih Ulwan telah menggariskan pendekatan pendidikan anak-anak secara komprehensif meliputi aspek spiritual, emosi, intelek dan sosial berdasarkan kerangka Islam. Justeru itu, artikel ini menganalisis teori pendidikan Islam dan mengemukakan pendekatan yang bersifat praktikal serta relevan dengan realiti masyarakat semasa. Dalam bahagian ketiga karya Dr. Abdullah Ulwan menekankan tanggungjawab ibu bapa dalam membentuk akhlak anak-anak dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Fasal ini juga memperincikan prinsip-prinsip asas dan metodologi pendidikan yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kajian terhadap fasal ini penting untuk memahami bagaimana pendekatan Islam terhadap pendidikan anak boleh disesuaikan dalam konteks kontemporari terutama dalam menghadapi cabaran keruntuhan moral dan pengaruh negatif globalisasi.

Tinjauan Literatur

Perbincangan mengenai pendidikan anak-anak dalam Islam telah lama menjadi perhatian para ilmuwan dan cendekiawan Muslim. Hal ini kerana pendidikan bukan sekadar proses penyampaian ilmu tetapi juga melibatkan pembinaan akhlak, pemikiran dan jati diri anak-anak secara holistik. Pendidikan Islam menekankan bahawa anak-anak merupakan amanah yang perlu dididik dengan kasih sayang, hikmah dan disiplin agar mereka membesar sebagai insan yang beriman dan berakhlak mulia. Pelbagai pendekatan telah diketengahkan oleh tokoh-tokoh Islam dalam usaha memperkukuh kaedah pendidikan yang berkesan berlandaskan wahyu.

Kajian-kajian semasa turut mengukuhkan kesahihan pendekatan yang digunakan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan. Kamarul Shukri (2019) menjelaskan bahawa punca penyelewengan dan pendekatan menanganinya sebagaimana diutarakan Dr. Abdullah Nasih Ulwan wajar diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak kerana ia sesuatu yang bukan sahaja berlandaskan ajaran al-Quran, malah diperkukuhkan dengan realiti semasa. Sementara itu, Che Zarina Sa'ari et al. (2019) menekankan bahawa model pendidikan Dr. Abdullah Nasih

Ulwan wajar diketengahkan kepada para ibu bapa bagi membendung gejala-gejala yang tidak diingini kerana pendekatannya praktikal dan mudah dihayati.

Kajian oleh Siti Nurjanah et al. (2019) mencadangkan agar model pendidikan Dr. Abdullah Nasih Ulwan diterapkan ke dalam diri anak-anak agar dapat membentuk keperibadian dan sahsiah yang baik. Kajian Nur Azwani Mansor et al. (2024) mendapati bahawa kaedah pendidikan dalam surah Luqman, Dr. Abdullah Nasih Ulwan dan kaedah pembelajaran psikologi Muhammad Ustman Najati boleh disepadukan untuk membentuk satu kaedah pendidikan tingkah laku yang mudah dan praktikal bagi ibu bapa dan penjaga. Hal ini kerana kaedah yang digariskan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan selari dengan prinsip psikologi perkembangan kanak-kanak terutamanya dalam aspek komunikasi positif, pembentukan rutin dan pengaruh persekitaran.

Proses pendidikan anak-anak merupakan satu aspek penting dalam pembentukan sahsiah, akhlak dan kecemerlangan generasi akan datang. Pelbagai pendekatan telah dibincangkan dalam literatur terdahulu yang menekankan peranan ibu bapa sebagai pendidik utama dalam kehidupan anak-anak. Menurut Al-Ghazali (2000), pendidikan anak-anak perlu bermula sejak dari awal usia kerana hati anak diibaratkan seperti tanah bersih yang akan menerima apa sahaja bentuk didikan yang diberikan. Oleh itu, pendekatan pendidikan mestilah bersifat menyeluruh merangkumi aspek spiritual, intelektual dan emosi.

Ibu bapa juga perlu menggunakan pendekatan kasih sayang dan ketegasan secara seimbang. Baumrind (1991) dalam teorinya mengenai gaya keibubapaan mengklasifikasikan tiga gaya utama iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Gaya keibubapaan autoritatif didapati paling berkesan dalam menghasilkan anak-anak yang berdikari dan berdisiplin kerana ia menggabungkan kasih sayang dengan had dan peraturan yang jelas. Selain itu, pendidikan melalui teladan atau *qudwah hasanah* juga sangat berkesan. Menurut Ibn Khaldun (2004), anak-anak belajar melalui pemerhatian dan peniruan. Oleh itu, tingkah laku ibu bapa sangat mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak.

Dalam konteks pendidikan Islam, kaedah *targhib* (galakan) dan *tarhib* (amaran) juga digalakkan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Nahlawi (1995), penggunaan pujian dan ganjaran secara berkala boleh meningkatkan motivasi anak-anak, manakala peringatan dan hukuman yang bersesuaian pula berfungsi sebagai pengawalan tingkah laku negatif. Justeru itu, pendidikan memainkan peranan penting dalam mencorakkan pola berfikir dan tingkah laku seseorang. Maka, elemen ini perlu diberikan perhatian yang rapi agar proses pembentukan anak-anak sebagai modal insan yang berguna dapat direalisasikan (Khairul Azhar Meerangani, 2017).

Secara keseluruhan dapat dinyatakan bahawa pendekatan pendidikan yang dikemukakan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan amat relevan untuk diaplikasikan dalam era semasa. Kaedah yang berpaksikan al-Quran dan sunnah serta bersifat menyeluruh mampu menjadi asas kukuh dalam mendidik anak-anak Muslim agar menjadi insan yang seimbang dari aspek rohani, akhlak dan intelek. Pendekatan ini wajar dikaji dan diterapkan secara meluas dalam sistem pendidikan keluarga dan institusi Islam hari ini.

Permasalahan Kajian

Bahagian ketiga fasal pertama dalam *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan menekankan bahawa pendidikan anak-anak bukan hanya bersifat akademik atau

material, tetapi ianya merupakan satu proses pembentukan peribadi dan akhlak yang berasaskan nilai-nilai Islam. Dalam fasal ini, beliau menghuraikan pendekatan-pendekatan utama pendidikan anak-anak, antaranya ialah pendidikan melalui tauladan, kebiasaan, nasihat, pemerhatian dan hukuman. Kelima-lima pendekatan ini dianggap saling melengkapi dan perlu dilaksanakan secara seimbang dan berhikmah dalam suasana kekeluargaan yang penuh kasih sayang dan tanggungjawab.

Namun begitu, pelaksanaan prinsip-prinsip ini dalam realiti kehidupan moden semakin terhakis. Beberapa kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa tidak lagi berperanan secara aktif dalam mendidik anak-anak, sebaliknya menyerahkan tugas tersebut kepada sekolah atau teknologi. Sebagai contoh, kajian Nur Utami & Rohmad (2021) menekankan bahawa pembiasaan ibadah sejak kecil mempunyai kesan yang besar dalam membentuk disiplin diri anak-anak, namun pendekatan ini sering diabaikan. Begitu juga, kajian Mansor et al. (2021) menunjukkan bahawa kaedah nasihat yang tidak disampaikan dengan kasih sayang boleh menjejaskan hubungan ibu bapa dan anak serta gagal membentuk kesedaran dalaman. Sementara itu, pendidikan melalui tauladan yang memerlukan ibu bapa menjadi contoh akhlak kepada anak-anak turut terjejas dalam suasana masyarakat moden yang individualistik dan kurang interaksi kekeluargaan.

Dalam konteks pendidikan melalui pemerhatian, Dr. Abdullah Nasih Ulwan menekankan bahawa anak-anak memerhati dengan teliti setiap tingkah laku ibu bapa dan persekitaran mereka. Namun kini, anak-anak lebih banyak memerhati dunia luar melalui media sosial berbanding contoh baik dalam rumah. Lebih mencabar lagi ialah isu pendidikan melalui hukuman, yang sering disalah erti sebagai punitif semata-mata. Walaupun demikian, Dr. Abdullah Nasih Ulwan menjelaskan bahawa hukuman seharusnya menjadi jalan terakhir setelah pendekatan kasih sayang, nasihat dan pembiasaan tidak berhasil. Dalam banyak keluarga moden, pendekatan hukuman sama ada dilaksanakan secara keras dan tidak terkawal atau diabaikan sepenuhnya atas alasan takut menjejaskan emosi anak, sekali gus menjauhkan diri daripada prinsip “*ta’dib*” yang dianjurkan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan.

Justeru, timbul persoalan penting, sejauh manakah ibu bapa masa kini memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip pendidikan Islam seperti yang digariskan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan? Adakah pendekatan-pendekatan ini masih relevan untuk diaplikasikan dalam suasana kontemporari? Bagaimanakah pendekatan ini boleh disesuaikan dengan gaya hidup moden tanpa mengorbankan nilai asasnya? Maka, kajian ini digerakkan untuk meneliti masalah pelaksanaan pendidikan anak-anak Muslim dari perspektif karya Dr. Abdullah Nasih Ulwan serta menghubungkannya dengan dapatan kajian semasa bagi mencadangkan bentuk pendidikan keluarga Islam yang lebih holistik dan praktikal dalam era moden.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan beberapa objektif utama. Pertama, kajian ini bertujuan untuk meneliti prinsip-prinsip pendidikan anak-anak sebagaimana yang dihuraikan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam karyanya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*, khusus dalam fasal pertama yang memberi penekanan kepada pendekatan pendidikan berasaskan nilai-nilai Islam. Kedua, kajian ini berhasrat untuk menganalisis tahap pemahaman dan pengamalan ibu bapa Muslim masa kini terhadap pendekatan-pendekatan tersebut dalam konteks kehidupan moden. Ketiga, kajian ini juga ingin mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam melaksanakan pendekatan seperti pendidikan melalui tauladan, pembiasaan, nasihat, pemerhatian dan hukuman dalam suasana kekeluargaan kontemporari. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk

mencadangkan penyesuaian pendekatan pendidikan keluarga Islam yang lebih holistik dan praktikal agar dapat diaplikasikan secara berkesan dalam gaya hidup moden tanpa mengabaikan nilai-nilai asas Islam.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang ditetapkan bagi memastikan skopnya lebih terfokus dan jelas. Pertama, kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada prinsip-prinsip pendidikan anak-anak yang digariskan dalam fasal pertama karya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan tanpa merangkumi keseluruhan isi buku tersebut. Kedua, kajian ini memberi fokus kepada peranan ibu bapa Muslim dalam melaksanakan pendidikan anak-anak pada peringkat institusi keluarga dan tidak melibatkan aspek pendidikan formal yang dilaksanakan oleh institusi persekolahan. Ketiga, konteks kajian ini dibatasi kepada isu-isu semasa yang berkaitan dengan kehidupan moden seperti pengaruh media sosial, gaya hidup individualistik dan pengurangan interaksi kekeluargaan yang memberi kesan terhadap pelaksanaan pendekatan-pendekatan pendidikan Islam yang dicadangkan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk analisis teks (*textual analysis*) terhadap karya *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* dengan fokus khusus pada fasal pertama dalam jilid ketiga. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan peneliti memahami secara mendalam gagasan pendidikan anak-anak yang diketengahkan oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam konteks kerangka pendidikan Islam yang menyeluruh. Data utama kajian diperoleh daripada teks asal karya tersebut dalam versi Arab dan disokong oleh terjemahan berautoriti dalam Bahasa Melayu sebagai rujukan silang.

Proses analisis dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah iaitu mengenal pasti tema-tema utama yang dibincangkan dalam fasal tersebut, khususnya berkaitan tanggungjawab ibu bapa dalam pendidikan akhlak. Kedua, menganalisis pendekatan dan kaedah pendidikan yang digariskan oleh penulis berdasarkan prinsip-prinsip al-Quran dan al-Sunnah. Ketiga, penemuan ini ditafsirkan semula dalam konteks cabaran pendidikan semasa melalui perbandingan dengan sumber-sumber kontemporari yang relevan seperti jurnal, artikel ilmiah dan pandangan sarjana moden dalam bidang pendidikan Islam.

Selain daripada membuat triangulasi data dengan pendapat sarjana lain dalam bidang yang sama, kajian ini turut merujuk kepada karya-karya sokongan dan tafsiran terhadap tulisan Dr. Abdullah Nasih Ulwan bagi memastikan ketelitian analisis. Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian berupaya memberikan pemahaman yang lebih holistik dan kritikal terhadap relevansi fasal yang dikaji dalam konteks pendidikan anak-anak pada masa kini.

Analisis dan Perbincangan

Pendidikan anak-anak merupakan aspek terpenting dalam pembinaan tamadun dan kesinambungan nilai dalam sesebuah masyarakat. Dalam Islam, proses pendidikan bukan sahaja bertujuan melahirkan individu yang cemerlang dari segi intelektual tetapi yang lebih diutamakan ialah melahirkan insan yang seimbang dari segi akidah, akhlak dan amal soleh. Dr. Abdullah Nasih Ulwan menekankan bahawa keberkesanan pendidikan anak-anak sangat bergantung kepada pendekatan dan metode yang digunakan oleh ibu bapa dan pendidik. Dalam fasal pertama jilid ketiga karya tersebut, beliau membahaskan secara mendalam kaedah-kaedah pendidikan yang sesuai dengan fitrah kanak-kanak serta bersandarkan prinsip-prinsip Islam.

Menurut beliau, terdapat lima kaedah utama yang mempengaruhi pembentukan anak-anak, iaitu:

- a) Pendidikan Melalui Tauladan
- b) Pendidikan Melalui Kebiasaan dan Latihan
- c) Pendidikan Melalui Nasihat dan Bimbingan
- d) Pendidikan Melalui Pemerhatian
- e) Pendidikan Melalui Ganjaran dan Hukuman

a) Pendidikan Melalui Tauladan (*Uswah Hasanah*)

Dr. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan:

“Ketauladanan dalam pendidikan adalah cara yang paling efektif dan berhasil dalam mempersiapkan anak dari segi akhlak, membentuk mental dan sosialnya. Dari sini, keteladanan menjadi faktor yang sangat berpengaruh pada baik buruknya anak. Jika pendidik adalah seorang yang jujur dan dipercayai, maka anak pun akan tumbuh dalam kejujuran dan sikap amanah.”

Dr. Abdullah Nasih Ulwan menekankan bahawa ibu bapa dan pendidik mestilah menjadi contoh terbaik kepada anak-anak. Hal ini kerana pendidikan melalui tauladan merupakan kaedah yang paling berkesan dalam mempersiapkan anak-anak dari segi akhlak, mental dan sosialnya (Abdullah Nasih Ulwan, 2024). Imam Al-Ghazali (2005) juga menegaskan bahawa anak-anak adalah amanah yang suci dan pembentukan mereka bergantung kepada didikan serta contoh yang diberikan oleh ibu bapa dan pendidik. Kegagalan dalam mendidik anak-anak bukan sahaja memberi kesan kepada masa depan anak tersebut, namun ia juga membawa tanggungjawab dosa kepada penjaganya.

Allah SWT telah mengutuskan seorang Rasul yang mempunyai kesempurnaan jiwa, akhlak dan akal untuk menyampaikan risalah-Nya kepada umat manusia. Menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan (2024) kenabian ini bukanlah atas usaha manusia untuk mencapainya, namun ia adalah pilihan Allah. Begitu juga Allah SWT telah meletakkan gambaran yang sempurna tentang manhaj Islam pada peribadi Nabi Muhammad SAW. Selari dengan pandangan Ibn Qayyim bahawa anak-anak akan lebih mudah menerima nilai-nilai yang baik apabila mereka melihat tauladan yang baik bukan hanya sekadar mendengarnya. Hal ini kerana anak-anak cenderung meniru apa yang mereka lihat daripada apa yang mereka dengar (Ibn Qayyim, 2000). Justeru, sebagaimana akhlak Rasulullah SAW dijadikan sebagai tauladan dan ikutan sepanjang zaman begitulah juga akhlak ibu bapa dan pendidik yang dijadikan sebagai ikutan kepada anak-anak.

Pendidikan melalui tauladan tetap relevan dan berkesan dalam konteks pendidikan kontemporari. Kajian oleh Solahuddin Abdul Hamid & Nor Azzuwal Kila (2017) mendapati bahawa guru bukan sekadar penyampai ilmu tetapi juga agen perubahan yang mempengaruhi tingkah laku pelajar melalui contoh peribadi mereka. Begitu juga dalam kajian Muhammad Haziq Abdul Satar & Nor Ainiza Azman (2021) menunjukkan bahawa murid memandang guru Pendidikan Islam mereka sebagai contoh dalam aspek akhlak dan tingkah laku yang secara tidak langsung mempengaruhi pembentukan sahsiah mereka. Peranan guru sebagai role model adalah antara pendekatan yang terbukti memberi impak kepada positif dalam pembentukan sahsiah dan akhlak pelajar.

Kajian Safinah Ismail et al. (2024) menunjukkan bahawa nilai teladan daripada ibu amat penting dalam pembentukan anak-anak cinta masjid kerana ibu bapa menjadi cerminan kepada anak-anak. Apabila ibu bapa sering solat berjamaah dan mengimarahkan masjid dan surau, anak-anak secara tidak langsung akan mengikuti apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka dan kebersamaan ibu apa yang sering ke masjid bersama akan-anak dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Dalam kajian lain, Safinah Ismail et al. (2024) mendapati bahawa nilai tauladan menjadi salah satu sumber utama pendidikan dan mempengaruhi perkembangan menyeluruh anak-anak di mana bentuk kasih sayang ditunjukkan melalui perhatian dan tindakan yang dilakukan seperti menegur dengan sapaan yang baik dan mencium anak-anak.

Pendidikan melalui tauladan bukanlah sekadar mengajar nilai-nilai yang baik melalui kata-kata, namun ianya lebih penting lagi melalui perbuatan yang boleh dicontohi. Apabila ibu bapa mempamerkan akhlak yang mulia seperti kesabaran, kejujuran dan keadilan dalam kehidupan seharian, anak-anak akan lebih menirunya dan membentuk keperibadian mereka berdasarkan contoh yang ditunjukkan tersebut. Setiap tindakan dan sikap yang dipamerkan oleh pendidik memberi kesan yang mendalam kepada sikap anak-anak. Pendidikan melalui tauladan bukan sahaja terhad kepada ibu bapa dan pendidik, tetapi juga melibatkan seluruh masyarakat yang berperanan sebagai model tingkah laku bagi generasi muda. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu yang terlibat dalam pendidikan anak-anak agar sentiasa menjadi contoh yang baik agar anak-anak dapat mengambil tauladan dan menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan mereka.

b) Pendidikan Melalui Kebiasaan

Dr. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan bahawa:

“Telah ditetapkan dalam syariat Islam bahawa anak semenjak lahir sudah diciptakan dalam keadaan bertauhid yang murni, agama yang lurus dan iman kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 30. Maksudnya, iaitu dilahirkan dalam keadaan tauhid dan iman kepada Allah SWT. Dari sini, tibalah saatnya pembiasaan, pemaksaan dan pendisiplinan mengambil perannya dalam pertumbuhan anak dan menguatkan tauhid yang murni, akhlak yang mulia, jiwa yang agung dan etika syariat yang lurus.”

Dalam kitab *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*, konsep pendidikan melalui kebiasaan dan latihan merupakan salah satu pendekatan utama yang ditekankan dalam mendidik anak-anak secara berkesan samada dari segi akhlak dan ibadah mereka. Walaupun setiap insan dilahirkan secara fitrahnya sudah diciptakan dalam keadaan bertauhid, namun anak-anak juga harus dibiasakan dengan nilai-nilai dan amalan yang baik semenjak kecil lagi. Imam al-Shafi'i (1990) dalam karyanya *Al-Risalah* tidak secara langsung membahaskan pendidikan anak-anak atau kebiasaan dalam konteks tarbiah, namun, beliau sangat menekankan kepentingan ilmu, adab dan proses menuntut ilmu sejak kecil. Pandangan Imam al-Shafi'e ini secara tidak langsung menyokong konsep pendidikan melalui kebiasaan.

Dr. Abdullah Nasih Ulwan (2024) berpendapat ianya salah besar apabila orang beranggapan bahawa manusia terlahir sebagai orang baik atau jahat sehingga tidak mungkin mengubah keburukan yang ada pada manusia. Setiap manusia diciptakan dengan dua pilihan samada melakukan kebaikan atau melakukan keburukan. Kajian oleh Nur Utami & Rohmadi

(2021) membuktikan bahawa pembiasaan ibadah sejak kecil melahirkan anak-anak yang berdisiplin. Beliau berpendapat bahawa jika ibadah seperti solat, puasa dan membaca al-Quran dijadikan amalan harian sejak usia muda, ia bukan sahaja membentuk keimanan tetapi juga melatih anak-anak untuk mematuhi jadual, menghormati masa dan bertanggungjawab terhadap tugas harian mereka.

Begitu juga dalam kajian lain mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Malaysia. Rakan sebaya yang terlibat dalam tingkah laku berisiko dapat mempengaruhi remaja lain untuk melakukan perkara yang sama. Sebaliknya, rakan sebaya yang menunjukkan tingkah laku positif dapat menjadi contoh yang baik dan mendorong remaja mengamalkan tingkah laku yang sihat (Nurjumawaton Shahrudin et.al, 2018). Justeru, jika anak-anak mendapatkan pendidikan yang baik dan lingkungan yang kondusif, maka mereka akan tumbuh ditengah masyarakat menjadi manusia yang beriman, berakhlak dan mulia.

Menurut Abdul Munip (2009) bermula dengan mengetahui tentang kebaikan yang melibatkan pengetahuan kognitif, merasai serta mencintai kebaikan dan seterusnya membuat tindakan dengan melakukan kebaikan. Seseorang yang melakukan kebaikan kerana dia suka dengan kebaikan tersebut. Apabila seseorang itu terbiasa melakukannya, maka akan berubah menjadi kebiasaan dan tabiat dalam kehidupannya. Dalam kitab *Tarbiyatul Aulad* telah menggariskan tiga cara utama dalam usaha berubah ke arah kebaikan bagi orang dewasa, iaitu mengikatnya dengan akidah, menunjukkan keburukan sesuatu perkara yang salah dan mengubah persekitarannya. Apabila seseorang itu mempunyai ikatan akidah, maka seharusnya ikatan itu merasakan diawasi Allah SWT, merasakan keagungan-Nya dan takut kepada-Nya. Begitu juga apabila seseorang ingin meninggalkan perkara mungkar, maka mereka yang mempunyai ikatan akidah pasti akan meninggalkan perbuatan tersebut setelah mengetahui keburukannya. Contoh, ketika Allah SWT menurunkan beberapa ayat al-Quran terhadap pengharaman minuman arak, maka diceritakan keburukan arak yang memberi pengaruh buruk pada manusia dan membahayakan akhlak, sosial serta agama. Seseorang yang seluruh hidupnya berada di lingkungan yang buruk dan kemudian apabila datangnya seorang yang soleh, maka seseorang itu juga boleh menjadi soleh kerana mengubah persekitarannya.

Pendidikan melalui kebiasaan merupakan satu pendekatan asas dalam membentuk akhlak anak-anak yang telah lama ditegaskan dalam tradisi Islam. Kitab *Tarbiyatul Aulad* menegaskan bahawa membiasakan anak-anak sejak kecil dengan amal soleh akan membentuk jiwa mereka secara konsisten sehingga menjadi sehati dengan keperibadian mereka. Pengaruh kebiasaan yang baik akan memberikan kesan yang mendalam terhadap pembentukan moral dan spiritual mereka. Oleh itu, pendidikan melalui kebiasaan harus dirancang secara teliti oleh ibu bapa dan pendidik dengan menanam nilai murni dalam tindakan harian secara konsisten agar generasi akan datang mampu menghadapi cabaran zaman dengan akhlak yang kukuh dan jiwa yang terarah.

c) Pendidikan Melalui Nasihat dan Bimbingan (*al-Maw'izah*)

Dr. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan bahawa:

“Satu lagi metode pendidikan yang efektif dalam membentuk keimanan anak, akhlak, mental dan sosialnya adalah metode mendidik dengan nasihat. Hal ini

disebabkan nasihat memiliki pengaruh yang besar untuk membuat anak mengerti tentang hakikat sesuatu dan memberinya kesedaran tentang prinsip-prinsip Islam.”

Pendidikan melalui nasihat ialah satu pendekatan penting dalam Islam yang menekankan proses menyampaikan kebenaran, nilai dan adab secara hikmah dan berhemah. Pendidikan melalui nasihat mempunyai pengaruh yang besar untuk membuat anak-anak memahami tentang hakikat sesuatu perkara dan memberinya kesedaran berkenaan prinsip-prinsip Islam. Nasihat yang berterusan dengan hikmah adalah asas pendidikan yang berkesan (Abdullah Nasih Ulwan, 2024). Dalam kitab *Tarbiyatul Aulad* menyatakan bahawa al-Quran sebagai medium yang menggunakan pendekatan nasihat. Al-Quran memiliki pelbagai metode dan gaya dalam berdakwah, mengingatkan tentang Allah SWT serta memberikan nasihat dan bimbingan untuk sampai kepada individu atau petunjuk untuk kelompok.

Ayat-ayat al-Quran mampu menunjukkan jalan bagi mereka yang pernah mengambil jalan yang salah, begitulah juga anak-anak yang masih suci. Anak-anak akan lebih mudah terpengaruh dan menerima nasihat dengan lebih cepat. Contohnya dalam Surah Luqman ayat 12 hingga 19, di mana Allah SWT menceritakan bagaimana Luqman mendidik anaknya dengan nasihat yang penuh hikmah. Menurut Suryadi (2022), Ahmad Syadali & Ahmad Rofi'i (2020) dan Desti Widiani (2018), artikel-artikel ini menjelaskan dan membahas fungsi al-Quran sebagai sumber pendidikan Islam termasuklah peranannya sebagai nasihat bagi orang-orang yang bertakwa, memberi petunjuk, pemisah antara yang benar atau salah serta ubat bagi penyakit hati. Justeru, ibu bapa dan pendidik haruslah memahami al-Quran untuk digunakan dalam memberi nasihat dan bimbingan kepada anak-anak.

Kajian oleh Noraini Mohamad et.al (2019) menunjukkan nasihat yang disampaikan melalui komunikasi yang berkesan dapat memperkukuh hubungan kekeluargaan dan dapat membantu dalam pembentukan sahsiah anak. Sheikh Muhammad al-Ghazali (1980) juga menegaskan bahawa nasihat yang disampaikan dengan penuh kasih sayang dan keikhlasan memiliki kesan mendalam terhadap jiwa penerima. Beliau menyatakan bahawa nasihat tidak sepatutnya lahir daripada niat menghukum atau meremehkan, tetapi harus disampaikan dengan niat memperbaiki dan menyelamatkan. Hal ini kerana nasihat yang diberi dengan keadaan hati bersih akan menyentuh hati penerima, membina kesedaran serta mendorong perubahan tingkah laku.

Kajian Abdul Munir Ismail et al. (2024) mendapati bahawa ibu bapa perlu menggunakan pendekatan memberi nasihat kepada anak-anak dan bukannya menggunakan kekerasan seperti memukul apabila mereka melakukan kesalahan. Hal ini kerana pendekatan kekerasan akan menyebabkan pelajar bersikap agresif terhadap ibu bapa dan masih melakukan kesalahan yang sama. Begitu juga dalam kajian Amir Redzuan (2022) mendapati bahawa ibu bapa yang menunjukkan akhlak dan percakapan yang baik akan dapat mampu menarik minat anak-anak menuruti serta memahami apa yang ingin disampaikan. Justeru, ibu bapa perlu bijak mencari peluang dalam menggunakan cara penyampaian yang berbeza-beza agar anak-anak tidak mudah bosan dengan pendekatan yang sama (Abdul Munir Ismail et al., 2024 & Nor Azwani Mansor et al., 2024).

Pendidikan melalui nasihat merupakan satu pendekatan penting yang terbukti berkesan dalam membentuk akhlak dan sahsiah anak-anak jika dilakukan secara berhikmah serta berterusan. Pendekatan ini juga membina ruang interaksi yang positif dan memperkukuhkan hubungan emosi antara pendidik dengan anak-anak. Dengan menggunakan pendekatan yang lemah lembut, istiqamah dan disampaikan pada waktu yang sesuai, nasihat menjadi satu

mekanisme yang bukan hanya mendidik secara intelektual, bahkan dapat membentuk keperibadian anak-anak secara spiritual dan moral. Dalam dunia yang semakin mencabar hari ini, pendekatan ini perlu diperkasakan sebagai satu bentuk tarbiah yang menyentuh hati dan mencetus kesedaran dalaman, bukan hanya menegur kesilapan tetapi mendidik dengan hikmah.

d) Pendidikan Melalui Pemerhatian dan Kawalan (*al-Murāqabah wa al-Mutāba‘ah*)

Dr. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan:

“Maksud dari pendidikan dengan pemerhatian adalah mengikuti perkembangan anak dan mengawasinya dalam membentuk akidah, akhlak, mental dan sosialnya. Begitu juga dengan terus menyemak keadaannya dalam pendidikan fizikal dan intelektualnya.”

Pendidikan melalui pemerhatian dan kawalan merupakan antara pendekatan yang penting dalam pembentukan akhlak serta sahsiah anak-anak menurut perspektif Islam. Dalam *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* telah dibahaskan pendidikan melalui pemerhatian daripada dua sudut perspektif, iaitu pemerhatian ibu bapa kepada anak dan pemerhatian anak-anak terhadap ibu bapa. Namun, fokus utama dalam konteks pendidikan melalui pemerhatian ini lebih kepada bagaimana ibu bapa perlu memerhati dan memantau perkembangan anak-anak secara berterusan samada dari aspek akhlak, kecenderungan dan perbuatan mereka. Dr. Abdullah Nasih Ulwan (2024) menegaskan bahawa setiap ibu bapa mestilah peka terhadap perubahan sikap anak-anak kerana itulah kunci kepada pendidikan yang berkesan.

Pemerhatian ini merupakan langkah awal dalam memahami keperibadian anak dan sekali gus menyesuaikan pendekatan pendidikan yang terbaik untuk mereka. Ibu bapa tidak boleh mendidik secara membuta tuli atau berdasarkan sangkaan semata-mata, sebaliknya perlu membangunkan satu sistem pemantauan yang halus terhadap sikap, pergaulan dan reaksi anak-anak terhadap sesuatu perkara (Abdullah Nasih Ulwan, 2024). Ibn Qayyim juga menekankan bahawa setiap anak memiliki tabiat dan perangai yang berbeza-beza, dan justeru itu memerlukan pemahaman mendalam oleh ibu bapa sebelum mendidik mereka secara berkesan (Ibn Qayyim, 2000). Menurut Ibn Sina (2022), pembentukan akhlak memerlukan bimbingan yang berterusan daripada ibu bapa dan pendidik kerana akhlak tidak terbentuk secara spontan, tetapi melalui latihan yang berulang serta kawalan yang konsisten terhadap tingkah laku anak-anak.

Pendekatan ini mendapat sokongan dalam kerangka teori moden seperti teori perkembangan moral Lawrence Kohlberg (1981) dan teori perkembangan kognitif Jean Piaget (1932) yang menekankan bahawa moral kanak-kanak berkembang secara bertahap dan dipengaruhi oleh proses pendidikan yang konsisten, tauladan sosial serta interaksi nilai yang berterusan. Kajian Nur Utami & Rohmadi (2021) menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah dan akhlak remaja yang mantap memerlukan kebiasaan ibadah sejak kecil disertai dengan kawalan dan bimbingan secara konsisten daripada ibu bapa. Bahkan, Rasulullah SAW juga turut menggunakan kaedah pendekatan ini dalam mendidik para sahabat melalui contoh amali dan akhlak diri yang tinggi (Abdullah Nasih Ulwan, 2024).

Pendidikan melalui pemerhatian bukan sekadar kaedah sokongan, tetapi merupakan asas penting dalam proses pembinaan akhlak secara berterusan kerana anak-anak tidak hanya belajar melalui arahan dan lisan semata-mata. Gabungan antara pandangan ulama terdahulu

dengan pendekatan kontemporari dalam psikologi pendidikan membuktikan bahawa pemerhatian adalah satu instrumen yang ampuh, semula jadi serta berkesan khususnya dalam membentuk keperibadian generasi yang berakhlak mulia. Dalam dunia moden yang mencabar ini, pendekatan pemerhatian semakin penting bagi mengimbangi pengaruh negatif media dan persekitaran seterusnya memastikan pendidikan anak-anak berlaku secara holistik, realistik dan menyentuh hati.

e) Pendidikan Melalui Hukuman (*al-Tarhīb*)

Dr. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan:

“Hukum-hukum yang terdapat dalam syariat Islam mencakup prinsip-prinsip yang holistik yang mengandungi perkara-perkara penting yang tidak mungkin manusia dapat hidup tanpanya. Para ulama ijtihad dan usul fiqh merangkumnya ke dalam 5 perkara yang dinamakan *ad-daruriyyat al-khams* atau *kulliyat al-khams*, iaitu menjaga agama, jiwa, kehormatan, akal dan harta. Mereka mengatakan bahawa hukum dan prinsip yang terdapat di dalam Islam bertujuan untuk menjaga lima hal yang utama di atas.”

Dalam proses pendidikan Islam, pendekatan hukuman sering disalah faham sebagai bentuk kekerasan atau paksaan semata-mata. Namun menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam*, pendidikan melalui hukuman adalah satu bentuk disiplin yang berfungsi untuk membetulkan tingkah laku apabila kaedah lain seperti nasihat, bimbingan dan pembiasaan tidak lagi berkesan. Dr. Abdullah Nasih Ulwan juga turut menjelaskan bahawa hukuman hanya boleh dilaksanakan setelah nasihat tidak mendatangkan kesan dan ianya haruslah bersifat mendidik, bukan menyeksa (Abdullah Nasih Ulwan, 2024). Tambah lagi, pendekatan hukuman yang betul akan membentuk kesedaran moral dan rasa tanggungjawab dalam diri anak-anak. Ia bukan bertujuan menjatuhkan maruah tetapi memperkukuhkan kefahaman tentang akibat melakukan perbuatan salah (Abdullah Nasih Ulwan, 2024). Justeru itu, dalam buku *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* telah digariskan panduan berkenaan syarat-syarat hukuman pukulan agar memastikan hukuman yang diberikan tidak memudaratkan anak-anak.

Pendidik tidak boleh memberikan hukuman kecuali dalam keadaan terpaksa serta tidak boleh memukul kecuali setelah sebelumnya memberi ancaman (Ibn Sina, 2022., Al-'Abdari, 1994 & Ibn Khaldun, 2004). Hal ini kerana menurut Ibn Khaldun (2004), kekerasan pada anak-anak akan membuatnya menjadi lemah dan penakut serta lari daripada kesulitan hidup. Pendekatan ini turut disokong oleh Imam al-Ghazali (1980) yang menyatakan bahawa *ta'dib* sebagai kawalan terakhir dalam proses mendidik, namun perlu dijalankan dengan kebijaksanaan dan penuh kasih sayang. Malah, Ibn Qayyim (2001) turut menjelaskan bahawa teguran dan disiplin fizikal ringan boleh menjadi kaedah mendidik apabila disampaikan dalam suasana yang membina, bukannya dalam keadaan kemarahan yang melampau.

Dalam kajian Abdul Munir et al. (2024) menunjukkan cara didikan ibu bapa terhadap item “sering memukul jika melakukan kesalahan” mencatatkan sangat tidak setuju (STS) sebanyak 45 peratus dan diikuti oleh tidak setuju (TS) item “tidak membenarkan anak-anak mereka ke rumah kawan” mencatatkan sebanyak 45 peratus. Keputusan ini menunjukkan bahawa responden merasakan kaedah tersebut kurang sesuai untuk diterapkan di rumah. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa ibu bapa hendaklah memberi galakan dan dorongan daripada semasa ke semasa kepada anak-anak dan memberi hukuman sebagai pengajaran jika mereka melakukan kesalahan. Namun, sebaiknya anak-anak diberi bimbingan dan tunjuk ajar terlebih

dahulu sebelum dikenakan hukuman kerana melanggar peraturan yang telah dipersetujui bersama.

Namun, World Health Organization (2021) mengingatkan bahawa hukuman fizikal boleh memberi kesan negatif kepada emosi anak dalam jangka panjang terhadap perkembangan fizikal, emosi dan psikososial anak-anak. Dari sudut psikologi, pandangan Dr. Abdullah Nasih Ulwan adalah selari dengan pendekatan teori behaviorisme di mana hukuman boleh mengurangkan tingkah laku negatif apabila digunakan dengan betul (Skinner, 1953). Namun, teori ini turut memberi amaran agar hukuman tidak digunakan secara melampau kerana ianya boleh mencetuskan kesan sampingan seperti pemberontakan dan trauma jika tidak disertai dengan bimbingan.

Pendidikan melalui hukuman dalam Islam adalah suatu bentuk disiplin berstruktur yang mendidik anak-anak mengenali batas dan tanggungjawab, bukanlah menindas. Ia menjadi lebih berkesan apabila dilaksanakan secara hikmah, konsisten dan disokong oleh pendekatan kasih sayang serta tauladan yang baik daripada ibu bapa. Dalam era moden yang menekankan kesejahteraan psikologi kanak-kanak, pendekatan hukuman perlu dirangka secara seimbang dan bijaksana agar dapat membentuk disiplin tanpa mencederakan perkembangan jiwa mereka. Dengan itu, pendidikan melalui hukuman yang berpandukan syariat dan disokong oleh psikologi moden mampu berperanan dalam membentuk sahsiah anak-anak secara menyeluruh dan beretika.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan daripada karya klasik dan kajian kontemporari menunjukkan bahawa pendidikan anak-anak dalam Islam memerlukan pendekatan yang menyeluruh, seimbang dan berpaksikan nilai keagamaan serta perkembangan psikologi. Karya agung seperti *Tarbiyatul Aulad fi al-Islam* oleh Dr. Abdullah Nasih Ulwan memberikan asas kukuh kepada prinsip pendidikan Islam yang menekankan lima pendekatan utama iaitu pendidikan melalui tauladan, pembiasaan amal soleh, nasihat yang berhikmah, pemerhatian yang berterusan dan hukuman bersyarat. Setiap pendekatan ini telah disokong oleh para ulama seperti Ibn Qayyim, al-Ghazali, Ibn Sina dan Ibn Khaldun serta dikuatkan dengan kajian-kajian kontemporari.

Pendidikan melalui tauladan dan kebiasaan dilihat sebagai asas yang paling berkesan dalam pembinaan nilai murni sejak awal usia, manakala pendidikan melalui nasihat dan pemerhatian pula memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan emosi yang positif antara ibu bapa dan anak. Dalam masa yang sama, pendidikan melalui hukuman tidak ditolak sepenuhnya tetapi ditekankan supaya dilaksanakan dengan batasan dan penuh pertimbangan. Gabungan kesemua pendekatan ini bukan sahaja selari dengan *maqasid syariah* dalam menjaga akal, jiwa dan akhlak anak-anak, tetapi ianya juga sejajar dengan tuntutan realiti semasa yang menekankan kesejahteraan psikososial anak-anak. Justeru, penghayatan yang mendalam terhadap prinsip-prinsip ini amat penting dalam membentuk generasi Muslim yang seimbang dari aspek spiritual, emosi, sosial dan intelektual.

Rujukan

Abdullah Nasih Ulwan. 2024. *Tarbiyatul Aulad Fi al-Islam Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Terj. Arif Rahman Hakim. Kuala Lumpur: Insan Kamil.

- Abdul Munip. 2009. *Reinventing Nilai-Nilai Islam Mengenai Peranan Guru Dalam Pendidikan Karakter*. Diskusi Forum Lingkar Hijau BEM. Yogyakarta: Fakultas Ilmu Pendidikan UNY.
- Ahmad Atabik & Ahmad Burhanuddin. 2025. Konsep Nasih Ulwan tentang Pendidikan Anak. *Jurnal Elementary* 3(2) 274-295.
- Al-'Abdari. 1994. *Al-Taj wa Al-Iklil li Mukhtasar Khalil* (Vol. 6). Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Ghazali. 1980. *Ihya' Ulumuddin* (Vol. 2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali. 1980. *Ihya' Ulumuddin* (Vol. 3). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nahlawi, A. 1995. *Usul Al-Tarbiyah Al-Islamiyyah*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Al-Shafi'i. 1990. *Al-Risalah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Amir Redzuan. 2022. Pendekatan Surah Luqman dalam Mendidik Anak-anak. (Kajian Ilmiah Tidak Diterbitkan). Kolej Universiti Islam Pahang.
- Che Zarina Sa'ari, Sharifah Basirah, Siti Sarah Ahmad & Faizuri Abd Latif. 2019. Model Pendidikan Keibu bapaan Abdullah Nasih Ulwan dalam Menangani Isu Remaja Lari Rumah. *Jurnal Usuluddin*, 1(4). 73-103.
- Baumrind, D. 1991. The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use. *Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(9). 75-89.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 2000. *Tuhfatul Maudud bi Ahkam al-Maulud*. Terj. H. Zainal Ariffin Abbas. Kuala Lumpur: Pustaka Amani.
- Ibn Khaldun. 2004. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: DBP.
- Ibnu Sina. 2022. *Kitab al-Siyasah*. Terj. Arsyad Mokhtar. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Jean Piaget. 1932. *The Moral Judgement of the Child*. Harcourt: Brace.
- Kamarul Shukri. 2019. Pendidikan Anak-anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan: Kajian Terhadap Peranan Wanita di Malaysia. In: *Inspirasi Muslimah ke Arah Matlamat Pembangunan Mapan*. Persatuan Ulama' Malaysia, pp. 63-86.
- Khairul Azhar Meerangani. 2017. Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017. Melaka: KUIM.
- Lawrence Kohlberg. 1981. *Essays on Moral Development*. San Francisco: Harper and Row.
- Mansor, Noraini, Siti Aishah & Mohd Hafiz Rahman. 2021. The Effectiveness of Parental Advice on Child Behaviour. *Jurnal Pendidikan Islam*, 36(2). 55-70.
- Mohd Fikri Yazan. 2021. Pengaruh Gaya Keibu bapaan, Rakan Sebaya, Guru dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja. (Disertasi). Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Haziq Abdul Satar & Nor Ainiza Azman. 2021. Guru Pendidikan Islam Sebagai Role Model Melalui Dakwah Keteladanan. *Pusat Sitasi & Infometriks*, 1(3). 12-21.
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail. 2019. Peranan Komunikasi Ibu Bapa Terhadap Proses Bimbingan dan Penyampaian Maklumat Kepada Anak-Anak. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nur Adillah & Abdul Halim. 2023. Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Berdasarkan Akhlak Nabi Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2). 41-50.
- Nur Hazieqah Azlin, Anis Shairah, Nur I'ffah Husna & Syed Najihuddin. 2024. Model Pendidikan Anak dalam Surah Luqman dalam Kehidupan. E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5. Seremban: USIM.

- Nur Utami & Rohmadi. 2021. Development of the Alpha Female Character Through Habits Based on Islamic Education Purpose. *Journal of Educational Management and Instruction*, 1(2). 102-110.
- Nurjumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadia Hamsan. 2018. Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokasi Kawalan dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika*, 88(2). 81-94.
- Nur Azwani Mansor, Shahnun Musa & Khairulnazrin Nasir. 2024. Integrasi Pendidikan Tingkah Laku Anak Menurut Luqman dan Ulwan Najati. *Journal of Revealed Knowledge*, 5(1). 75-89.
- Nur Fauzian & Fauziah Hanim. 2015. *Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Modul Pendidikan Akhlak: Isu dan Cabaran Masa Kini*. Seminar Penyelidikan Kebangsaan. Tanjong Malim: UPSI.
- Safinah Ismail, Abur Hamdi Usman, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini, Mariam Abd. Majid, Abdul Wahab Md. Ali & Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah. 2024. Nilai Teladan Ibu Bapa dalam Pembentukan Anak-Anak Cinta Masjid. *Journal al-Mimbar*, 4(1). 26-39.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd. Majid, Abdul Wahab Md. Ali & Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah. 2024. Nilai Teladan Ibu Bapa Berdasarkan Kasih Sayang dalam Pembentukan Akhlak Anak. 8th International Conference on Education, Business, Islamic and Technology. Putrajaya: Dorsett Hotel.
- Samruhaizad Samian @ Samion & Azahan Awang. 2017. Pendidikan Sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1). 267-280.
- Siti Nurjanah, Muhammad Talhah & Ajmain Safar. 2019. Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor. Johor Bharu: UITM Skudai.
- Skinner. 1953. *Science and Human Behaviour*. London: Macmillan.
- Solahuddin Abdul Hamid & Nor Azzuwal Kila. 2017. Pembentukan Personaliti Guru Agama Sebagai Role Model Dalam Masyarakat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6). 254-263.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat, Syarifah Noorul Madiah Syed Husin, Mohamad Aniq Aiman Alias & Nurul Syazwani Abdullah Kahar. 2022. Permasalahan Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian. *International Journal of Islamic Studies*, 26(2). 47-60.
- World Health Organization. 2021. *Corporal Punishment and Health*. Geneva: World Health Organization. Retrieved: <https://www.who.int/publications/i/item/corporal-punishment-and-health>.